

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 4 APRIL 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 12**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1531-L11133  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini bilangan mangsa penipuan sindiket kerja dan apakah pelan dan tindakan Kerajaan untuk menangani masalah penipuan kerja dengan lebih cekap dan berkesan.
2. PN-1531-L11252  
**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan yang disasarkan Kerajaan dalam mengimbangi jumlah nilai pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) di negara ini untuk tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang.
3. PN-1531-L11298  
**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah penerbangan domestik ke negeri Kelantan bagi setiap hari terutamanya pada musim perayaan dan apakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra menjadi lapangan terbang antarabangsa.
4. PN-1531-L10654  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan enam pemacu peralihan tenaga yang akan memungkinkan ekonomi bersih negara melibatkan pelaburan RM6 bilion dan senaraikan nama pemain besar dari syarikat-syarikat *Renewable Energy 100* (RE100) yang berminat untuk melabur di Malaysia.

5. PN-1531-L10789  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperketatkan dan memperkenalkan prosedur-prosedur baharu terhadap pesakit warga asing yang menerima rawatan di klinik dan hospital Kerajaan dengan syarat jaminan bayaran dan bayaran deposit 50 peratus sebelum menerima rawatan.
6. PN-1531-L10997  
**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pandangan Kementerian dalam menilai semula dasar, pendekatan dan keperluan dalam usaha memartabatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.
7. PN-1531-L11076  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah segera Kerajaan bagi menangani isu jaminan kapasiti bekalan beras putih tempatan dan sejauh mana pengeluaran padi tempatan dapat memenuhi keperluan pengguna tempatan menjelang 2025.
8. PN-1531-L11395  
**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah pandangan Kementerian terhadap cadangan pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagai usaha memupuk akauntabiliti kerajaan terhadap kejadian seperti penggodaman pangkalan data Kerajaan.
9. PN-1531-L11008  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan garis masa untuk Rang Undang-undang setara dengan *lemon law* digubal dan dibentangkan di dalam Parlimen untuk melindungi hak pengguna memandangkan terdapat peningkatan dalam kes kenderaan rosak walaupun kenderaan tersebut baru dibeli.
10. PN-1531-L11366  
**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai jalur rentas kuning (yellow traverse bar) yang digunakan bagi mengawal had laju kenderaan dan sejauhmanakah ia berkesan dalam mengawal had laju kenderaan di atas jalan raya.

11. PN-1531-L11148  
**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk membenarkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak mempunyai dokumentasi maklumat lengkap menuntut pengajian di peringkat universiti termasuk golongan yang tiada kewarganegaraan serta anak terbiar yang dijaga oleh keluarga angkat atau *Non-Governmental Organization* (NGO).
12. PN-1531-L10995  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan strategi Kementerian dalam menyampaikan kefahaman tentang dasar, agenda dan kejayaan pentadbiran Kerajaan MADANI sepanjang tahun 2023 sehingga kini kepada setiap lapisan masyarakat dan rakyat.
13. PN-1531-L11280  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah faktor pemansuhan kuota pengetua dalam menetapkan pengambilan pelajar serta adakah pihak Kerajaan berhasrat mengembalikan semula kuota tersebut.
14. PN-1531-L10951  
**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan untuk mengoptimumkan kelebihan tanah yang subur, tenaga kerja dan teknologi dalam negara untuk memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan negara berpanjangan.
15. PN-1531-L10991  
**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah program-program khas yang boleh dianjurkan oleh Kementerian bagi memastikan artis-artis kaum India dapat menjana kewangan bagi menampung kehidupan memandangkan mereka telah dipinggirkan sejak zaman Covid lagi.
16. PN-1531-L11169  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kawalan terhadap 50 *hotspot* pendaratan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di sekitar Negeri Kelantan. Apakah usaha pihak Kerajaan dalam memastikan bahawa pendatang asing yang masuk secara haram tidak menjejaskan keamanan sempadan negara.

17. PN-1531-L11164

**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana langkah dan polisi oleh Kementerian dalam mengimbangi impak pasaran buruh Malaysia dan impak nilai Ringgit dalam membangunkan daya saing negara demi menarik pelaburan asing terutamanya dalam suasana ekonomi global yang semakin kompetitif dan dinamik.

18. PN-1531-L10971

**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perbezaan fungsi di antara *Talent Corporation* (TalentCorp) dan *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp) dalam memastikan kebolehpasaran tenaga pekerja di negara ini, dan apakah mekanisma pihak Kementerian dalam memastikan bahawa tiada pertindihan fungsi.

19. PN-1531-L10965

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) adakah kursus Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) di universiti tempatan akan dijalankan sepenuhnya oleh Kementerian atau akan bekerjasama dengan universiti dari negara Jepun; dan
- (b) berapakah jangka masa yang ditetapkan untuk mewujudkan kursus tersebut di universiti tempatan.

20. PN-1531-L11103

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam menggalakkan rakyat Malaysia bercuti di dalam negara memandangkan kini ramai yang memilih untuk bercuti di luar negara kerana kos yang jauh lebih rendah.

21. PN-1531-L11191

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah diumumkan oleh Menteri Pertahanan sebelum ini.

22. PN-1531-L10658  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah usaha Kerajaan untuk memerangi kartel-kartel yang mempunyai kuasa menentukan harga barangan asasi yang menekan pengguna demi mengaut keuntungan tanpa mempedulikan bebanan rakyat.
23. PN-1531-L10673  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang bagi pembangunan sistem keretapi laju antarabangsa dan jika ada, bagaimanakah kerjasama antarabangsa dipertingkatkan untuk memudahkan perjalanan keretapi antara negara.
24. PN-1531-L11071  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah tahap jaminan kebolehpercayaan aplikasi Pangkalan Data Utama (PADU) dan penetapan punca kuasa kerangka perundangan tata kelola sistem dan data pengguna dalam Siri Perundangan Negara yang meluhuri Perlembagaan Malaysia dan prinsip kedaulatan Undang-undang negara.
25. PN-1531-L11063  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan inisiatif yang boleh dijadikan sebagai pelan tindakan berterusan untuk menangkis sebarang tindak-tanduk atau komentar yang berunsur prejudis perkauman yang dicituskan sendiri oleh mana-mana individu berprofil tinggi khususnya ahli politik dan bekas pemimpin negara yang boleh menggugat keharmonian rakyat pelbagai kaum.
26. PN-1531-L11272  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan penambahbaikan Arahan Pentadbiran Kementerian Dalam Negeri (KDN) 1986 berkaitan isu penggunaan kalimah Allah .
27. PN-1531-L11425  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah program yang disediakan oleh Kementerian dalam usaha membantu golongan belia terutamanya mereka yang menganggur bagi meningkatkan ekonomi serta memberi peluang pekerjaan kepada mereka.

28. PN-1531-L10798  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status penyelarasan harga barang terkawal sebelum musim perayaan dan langkah alternatif untuk membendung kenaikan kos barangan asas.
29. PN-1531-L10694  
**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi sektor tenaga boleh baharu (TBB) di samping dapat membantu usaha Kerajaan dalam mempercepatkan peralihan tenaga negara dan memanfaatkan peluang daripada inisiatif Kerajaan bagi mendorong peningkatan peluang pekerjaan dalam sektor TBB.
30. PN-1531-L10900  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah garis masa pelaksanaan Akta Sewaan Kediaman; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian akan menilai isu-isu diskriminasi dalam kalangan penyewa bagi memperkasa akta sewaan dengan lebih baik.
31. PN-1531-L11128  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini berkaitan waktu bekerja secara anjal sejak Akta Pekerjaan 1955 dipinda pada tahun 2022 untuk membenarkan waktu kerja secara anjal dari sudut waktu dan tempat kerja.
32. PN-1531-L11315  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah jaminan makanan negara adalah mencukupi.
33. PN-1531-L10894  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pelan strategik Kementerian bagi memastikan pembangunan dan perindustrian luar bandar dapat menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk anak muda bagi mengurangkan penghijrahan warga belia ke bandar.

34. PN-1531-L11028

**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tahap kemajuan program dan aktiviti bagi tujuan pembangunan masyarakat India di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dan apakah indikator yang ditetapkan oleh Kementerian bagi memastikan MITRA berada pada landasan yang sepatutnya untuk masyarakat India.

35. PN-1531-L11108

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini penggunaan MyKid untuk penggunaan rasmi memandangkan terdapat urusan rasmi yang mewajibkan penggunaan sijil kelahiran seperti di pintu masuk negara walaupun kanak-kanak tersebut sudah mempunyai MyKid dan bilakah isu kelewatan dalam pemprosesan MyKid di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dapat diselesaikan.

36. PN-1531-L10715

**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan setakat manakah Program Pelabelan Intensiti Tenaga Bangunan (*Building Energy Intensity*) dilaksanakan di bangunan pihak Kerajaan dan pihak Swasta dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk mencapai pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) sifar bersih paling awal menjelang 2050.

37. PN-1531-L10936

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan untuk menjadikan Penang Sentral sebagai Hub Pengangkutan Pulau Pinang dengan mengintegrasikan sistem *Light Rail Transit* (LRT) serta bilakah fasa-fasa projek seperti tempat letak kereta untuk stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) dan kompleks membeli belah yang termasuk dalam perancangan asal akan dilaksanakan.

38. PN-1531-L11341

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan proses yang telah diambil oleh Kementerian yang mencadangkan Kampung Baru Cina sebagai Tapak Warisan Unesco dan nyatakan bilangan serta Kampung Baru Cina yang dicadangkan.

39. PN-1531-L11017

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) jumlah pekerja asing yang telah ditipu daripada pekerjaan mereka dari tahun 2019 hingga 2023; dan

- (b) langkah-langkah yang telah diambil terhadap ejen perekrutan yang tidak bermoral yang menyebabkan pekerja-pekerja asing menganggur tanpa pekerjaan.
40. PN-1531-L10817  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan Undang-undang baharu lebih tegas untuk memerangi kegiatan *scammer* yang berleluasa mencero boh dan menipu pengguna-pengguna teknologi digital masa kini.
41. PN-1531-L11200  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin khususnya di Gaza yang dilanda kebuluran akibat peperangan yang berlarutan.
42. PN-1531-L11219  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan jumlah keluasan tanah rizab Melayu semasa Merdeka dan jumlah tanah rizab Melayu terkini mengikut negeri.
43. PN-1531-L11381  
**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan jumlah pelancong ke Malaysia memandangkan nilai Ringgit Malaysia kini berada pada tahap yang rendah.
44. PN-1531-L10697  
**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah status terkini Program Penyeragaman Harga di bawah Kementerian dan apakah langkah penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam pengagihan barang-barang subsidi supaya sampai kepada golongan sasaran terutamanya di kawasan luar bandar.
45. PN-1531-L10974  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan setakat ini sejauh mana keberkesanan pelaksanaan dan penerimaan majoriti rakyat terhadap sistem Pangkalan Data Utama (PADU) serta berapakah peratus rakyat yang sudah melengkapkan tanggungjawab mengisi data peribadi dalam sistem tersebut.

46. PN-1531-L10762  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan rancangan Kerajaan untuk meningkatkan dan meluaskan sastera Melayu di peringkat antarabangsa.
47. PN-1531-L10750  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkasakan lagi mekanisme melindungi pemberi maklumat (*whistleblower*) serta mengalakkan pelaporan amalan rasuah.
48. PN-1531-L10639  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan sebuah lokasi air terjun yang mendapat jolokan '*The Niagara Fall of Sarawak*' di Lusong Laku kerana lokasi ini mampu menarik minat pelancong asing dan tempatan.
49. PN-1531-L10840  
**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan Kementerian Ekonomi telah menjalankan projek Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR). Setakat ini, berapa ramai yang telah mendaftar dan menjadi usahawan berjaya di bawah projek ini? Apakah bentuk pengiklanan yang dilakukan serta apakah proses mengenal pasti bakal usahawan dan adakah produk yang dipasarkan berkualiti.
50. PN-1531-L10768  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah untuk meningkatkan wibawa penguatkuasaan bahasa kebangsaan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selain 'menegur, menasihati dan membimbing' sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta DBP 1959, Peluasan 1995.
51. PN-1531-L11414  
**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan strategi bersepadu yang sedang dirangka bersama Kerajaan-kerajaan negeri ke arah merealisasikan agenda peralihan tenaga dalam sektor perkilangan yang berupaya mendorong para pemain industri untuk mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga elektrik sebagai sumber tenaga utama tanpa menjejaskan momentum produktiviti.

52. PN-1531-L11089

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah status terkini usaha-usaha Kerajaan dalam membantu operator sektor pelancongan menjana pendapatan dan rantaian perniagaan domestik kerana kebelakangan ini rakyat telah beralih ke Thailand dan Indonesia untuk bercuti serta membeli-belah susulan tawaran harga barangan dan pakej yang lebih murah.

53. PN-1531-L10724

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) statistik pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU) yang terkini dan langkah Kementerian dalam usaha untuk meningkatkan jumlah pendaftaran; dan
- (b) rancangan lain yang sedang dipertimbangkan oleh Kementerian jika pendaftaran PADU tidak mencapai sasaran yang diharapkan.

54. PN-1531-L10813

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk membina Stadium bertaraf nasional di Daerah Belaga, Sarawak; dan
- (b) apakah kerjasama Kerajaan Negeri yang diperlukan untuk membina stadium sukan oleh Kementerian di Daerah Belaga.

55. PN-1531-L11158

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah sokongan, geran dan program insentif yang disediakan oleh semua pihak Kementerian dan agensi mengikut kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Bolehkah pihak Kerajaan mempertimbangkan kajian untuk mengenal pasti sama ada terdapat bidang kuasa yang bertindih dan bantuan yang tidak mencukupi bagi sesetengah industri keutamaan negara.

56. PN-1531-L10911

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Ringgit Malaysia telah jatuh ke paras paling rendah dari tahun 1998 berbanding Dolar Amerika Syarikat serta apakah strategi jangka pendek dan panjang Kerajaan untuk mengatasi perkara tersebut yang memberi impak negatif terhadap kos sara hidup dan inflasi yang tinggi kepada rakyat.

57. PN-1531-L11288

**Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah usaha pihak Kerajaan untuk memelihara dan memulihara warisan budaya terutama berkaitan penyediaan tenaga kerja yang mahir dalam seni warisan contohnya, Seni Sulaman Kelingkan dan Seni Ukiran Perak dan Tembaga yang diancam kepupusan.

58. PN-1531-L11331

**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kebertanggungjawaban Kementerian berhubung kebocoran maklumat lebih awal kepada media Singapura yang bersandarkan sumber dan pegawai kanan Kerajaan mengenai pengurangan hukuman penjara bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak oleh Lembaga Pengampunan Wilayah-Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri pada 2 Februari 2024 lalu.

59. PN-1531-L10740

**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah dakwaan bahawa modul latihan polis telah digunakan sejak sekian lama dan kandungannya tidak sesuai dengan keadaan semasa dan adakah pihak Kementerian telah mengkaji pelaksanaan modul latihan yang baharu sejajar dengan peredaran masa terutamanya dalam menangani isu integriti dalam kalangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) .

60. PN-1531-L10876

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menangani nilai Ringgit yang semakin lemah sehingga menyebabkan harga barangan harian meningkat dan membebankan kos sara hidup rakyat.

61. PN-1531-L11039

**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh manakah pihak Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) menyediakan pagar penghalang atau pagar elektrik bagi mengelakkan daripada binatang buas seperti gajah dan harimau menceroboh masuk kawasan Orang Asli, merosakan rumah, tanaman atau mencederakan penduduk disitu sebagai mana yang pernah berlaku dulu.

62. PN-1531-L11405

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pengisian hakiki Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) 2.0 dan bagaimanakah agenda tersebut berupaya mewujudkan gelombang nasional seperti *FitMalaysia* khususnya dalam meningkatkan kepekaan rakyat dalam aspek penjagaan kesihatan sendiri dan merapatkan jurang literasi kesihatan antara rakyat luar bandar dan bandar.

63. PN-1531-L11383

**Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca keputusan penilaian *Programme for International Student Assessment* (PISA) yang lemah dan jelaskan pendirian Kementerian berhubung penilaian tersebut.

64. PN-1531-L11210

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kriteria yang ditetapkan Kerajaan untuk mencalonkan satu-satu kawasan sebagai tapak warisan dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO).

65. PN-1531-L11263

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan senarai bantuan yang digerakkan oleh Kerajaan bagi menaik taraf padi luar jelapang di negeri Kedah.

66. PN-1531-L11242

**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah perincian bentuk perlindungan yang terkandung dalam skim perlindungan seniman memandangkan nasib mereka jarang sekali diperjuangkan setelah bersara daripada dunia seni tanah air.

67. PN-1531-L10799

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kerajaan bagi memberi kesedaran dan kefahaman berkenaan pelaksanaan had umur mengundi pada umur 18 tahun atau Undi18 dan adakah Kementerian bercadang memasukan modul berkenaan pelaksanaan ini sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah.

68. PN-1531-L11055

**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini agenda untuk merealisasikan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dikhususkan untuk penyertaan pelajar sekolah menengah dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berbangsa India dan adakah mana-mana pemain industri telah memeterai kolaborasi strategik dengan Kerajaan untuk menjayakan program TVET dalam bidang tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.35/2023 ) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**  
  
**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**
2. ( D.R.2/2024 ) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**  
  
**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**
3. ( D.R.28/2023 ) Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 **Bacaan Kali Kedua**  
  
**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**
4. ( D.R.29/2023 ) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**  
  
**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**